

BANK ISLAM TAWAR BANTUAN PEMBAYARAN SEMULA BERSASAR UNTUK PELANGGAN

KUALA LUMPUR, Ahad, [2 Ogos 2020]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") bersedia membantu para pelanggannya yang terjejas akibat COVID-19 untuk membayar semula pemberian pinjaman yang dibuat oleh Perdana Menteri pada hari Rabu, 29 Julai 2020. Dengan hanya berbaki dua bulan sebelum tempoh moratorium berakhir pada 30 September 2020, Bank menggesa para pelanggan untuk menghubungi pegawai-pegawaiannya bagi urusan pembayaran semula pinjaman yang terbaik.

Bank Islam menawarkan bantuan pembayaran semula bersasar untuk pelanggan yang terjejas seperti berikut:

Kumpulan Sasar	Kefleksibelan
Individu yang kehilangan pekerjaan dalam tahun 2020 dan kini tidak bekerja.	<ul style="list-style-type: none">Lanjutan moratorium selama 3 bulan dari penghujung tempoh berakhirnya moratorium sedia ada.
Individu yang masih bekerja tetapi mengalami pengurangan pendapatan yang signifikan (contoh: akibat waktu bekerja yang dikurangkan, pemotongan gaji dan sebagainya).	<ul style="list-style-type: none">Pengurangan ansuran bulanan bersesuaian dengan pengurangan gaji, tertakluk kepada jenis pemberian.Fleksibiliti pembayaran selama 6 bulan dari penghujung tempoh berakhirnya moratorium sedia ada.

Pelanggan boleh mengunjungi rangkaian cawangan Bank di seluruh negara bermula 7 Ogos untuk membincangkan penyelesaian yang paling sesuai mengikut keadaan kewangan mereka dan melengkapkan borang permohonan untuk menikmati kemudahan ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Kami menyedari bahawa COVID-19 mempunyai kesan yang berbeza kepada orang ramai dan kami telah memberikan moratorium menyeluruh selama 6 bulan bermula April 2020. Dengan tempoh moratorium berakhir pada 30 September 2020, bantuan tambahan ini bertujuan untuk meringankan kekangan kewangan pelanggan dan menstabilkan aliran tunai mereka. Menyokong kenyataan yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri dan BNM pada 29 Julai, diikuti pula oleh ABM dan AIBIM, kami akan meneliti keadaan mereka yang terjejas untuk merangka pelan pembayaran balik yang sesuai untuk mereka".

"Bank telahpun mula menghubungi semua pelanggan kami melalui khidmat pesanan ringkas dan mengemaskini maklumat secara berkala di pelbagai platform komunikasi. Namun, kami akan terus melipatgandakan usaha untuk memastikan mesej ini disampaikan dengan berkesan" tambahnya.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai bantuan pembayaran semula yang ditawarkan, pelanggan dinasihatkan untuk mengunjungi Cawangan Bank Islam terdekat atau menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-2690 0900.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
--	--